

HUBUNGAN KEMAHIRAN LITERASI DIGITAL TERHADAP PENGLIBATAN PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN DALAM KALANGAN PELAJAR MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSRM)

Siti Jasiah binti Jasmi
Faculty of Information Management
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Selangor, Malaysia
*Email: jasiah.jasmi@mara.gov.my

Abstrak: Tujuan kertas kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti hubungan antara kemahiran Literasi Digital terhadap penglibatan pembelajaran atas talian dalam kalangan pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM). Bagi tujuan pengumpulan data, satu set soal selidik telah diedarkan secara rawak kepada pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima di Maktab Rendah Sains MARA Kuala Kubu Bharu Selangor dengan menggunakan kaedah *Google Form*. Maklumat responden seperti jantina, umur, kelas, pembolehubah kemahiran Literasi Digital dan penglibatan pembelajaran atas talian telah diselidik. Dapatkan kajian mendapati bahawa komponen Literasi Digital iaitu literasi maklumat, kandungan digital dan keselamatan atas talian dapat mempengaruhi penglibatan pembelajaran atas talian pelajar dan menyokong hipotesis kajian.

Kata kunci: Literasi digital, literasi maklumat, kandungan digital, keselamatan atas talian, pembelajaran atas talian